

**MENARIK
DI DALAM**



KUIM anjur Kejohanan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN

SATU Kejohanan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN telah diadakan di Kolej Universiti Islam Malaysia. Pertandingan anjuran bersama Sekretariat Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan KUIM sebagai tuan rumah itu telah berlangsung pada 24 hingga 26 Februari 2006. Sebanyak 18 pasukan dari 11 IPT tempatan dan luar negara mengambil bahagian dalam kejohanan debat bertema "Membudayakan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Diplomasi" yang julung kali diadakan itu.

Selain KUIM, antara IPT tempatan lain yang turut mengambil bahagian ialah Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Manakala tiga buah IPT luar negara tersebut ialah Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah dan Madrasah Al-Junied Al-Islamiah dari Singapura dan Universiti Syarif Hidayatullah (UIN) dari Jakarta.

Kejohanan Debat Bahasa Arab ini telah dijuarai oleh Universiti Islam Negeri Syarif



Bersambung Halaman 8

PENAUNG ■

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukur Hj. Husin
Rektor KUIM

PENASIHAT ■

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias
Timbalan Rektor (HEP dan Alumni)

PENASIHAT ■

En. Muhammad Haizuan Rozali
Timbalan Pendaftar HEP

KETUA EDITOR ■

Cik Rohimah Abdul Rahman
Penolong Pendaftar HEP

PEMBERITA • JURUFOTO ■

Encik Nurekmal Bukhary
Puan Nurhazreen Mohd Nor
Puan Rozihani Mohamad
Encik Ramzi Sulaiman
Cik Arohiah Abdullah
Saudara Mohd Husni Zaim

PERCETAKAN ■

PERCETAKAN ASNI SDN BHD
No. 41, Jalan Mewah 3/3
Taman Perindustrian HATA
Pandan Mewah, 68100 Ampang
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 603 4280 1090 • 603 4257 8090

Faks : 603 4527 9099

e-Mail : pa_print@streamyx.com

TERBITAN

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
BANDAR BARU NILAI,
71800 NILAI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-798 8066 • 06-798 8073

Faks : 06-798 8067 • 06-798 8358

Sejambak Kasih **SEKALUNG BICARA**

Assalamualaikum

ALHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat saya menzahirkan sepatah dua kata di dalam Buletin Intelektual HEP keluaran Mac 2006 ini. Sesungguhnya, kelahiran Buletin Intelektual edisi Mac 2006 ini sangat dinantikan kerana ketepatannya menyajikan informasi-informasi terkini Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui aktiviti-aktiviti para mahasiswanya yang berfaedah dan bermotivasi.

Pelbagai aktiviti kemahasiswaan, pembangunan ilmiah dan kemasyarakatan telah dilakukan sebagai acuan pembentukan graduan dan mahasiswa yang berkualiti global dan menjadi rebutan di pasaran pekerjaan. Gandingan kerjasama yang erat antara HEP dan kepimpinan mahasiswa yang positif dan mantap dilihat mampu melahirkan kepimpinan pelajar yang berdaya saing tinggi dalam menghadapi cabaran-cabaran dunia semasa.

Oleh itu, kepimpinan mahasiswa perlu sentiasa berpandangan jauh dan berupaya berusaha keras menyiapkan diri dalam memperkasakan kekuatan fizikal dan mental bagi menggalas cabaran menggantikan kepimpinan semasa. Ini selaras dengan hasrat negara untuk menghasilkan tenaga-tenaga kepimpinan yang meletakkan keutamaan perjuangan ke arah pembangunan negara dan bangsa.

Sehubungan itu, saya menyeru semua mahasiswa KUIM agar sentiasa peka akan perubahan sekeliling di dalam dunia tanpa sempadan ini. Lengkapkan diri dengan segala informasi dan kemahiran yang diperlukan agar tidak ketinggalan di dalam arus globalisasi masa kini. Semoga 'KUIM TERUS MAJU DI PERSADA ANTARABANGSA'.

Sekian, wassalam.

M. Haji Alias

Prof. Dr. Mohammad Haji Alias
Timbalan Rektor (HEP dan Alumni)
Kolej Universiti Islam Malaysia

Secalit Tinta SEULAS KATA


Assalamualaikum

BERTEMU kita sekali lagi di keluaran keempat Buletin Intelektual HEP edisi Mac 2006 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada Sidang Pengarang yang bekerja keras dalam mendokumentasikan pelbagai info berguna untuk pengetahuan umum kita semua pada bulan ini.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM sentiasa perihatin terhadap keperluan warganya. Kualiti perkhidmatan dan pengurusan yang ditawarkan sentiasa ditingkatkan bagi memastikan kepuasan pelanggan. Sensitiviti HEP terhadap keperluan mahasiswa di arus perdana ini tidak dapat dinafikan berdasarkan perancangan program serta aktiviti yang memberangsangkan dari semasa ke semasa. Keterlibatan mahasiswa yang semakin positif menyuntik semangat pihak pengurusan HEP untuk terus mencorakkan pelbagai program kemahasiswaan lainnya.

Akhir kata, berilah sokongan padu anda kepada pengurusan HEP agar kita sama-sama mendapat kebaikan daripadanya. Marilah kita berganding bahu dalam memberikan yang terbaik kepada Kolej Universiti Islam Malaysia yang kita cintai ini.

Sekian, wassalam.



Muhammad Haizuan Rozali
Timbalan Pendaftar HEP
Kolej Universiti Islam Malaysia

KANDUNGAN

Carta HEP • 4

Majlis Ramah
Mesra MPP KUIM
bersama Para
Pelajar • 6

PRU Sambut Tahun
Baru di Kem Rebutia • 6

Busana Muslimah • 7

Sesi Dialog bersama
Golden Key International
Honour Society • 7

Kursus Induksi Urusetia
Sukan & Rekreasi Pelajar • 8

Rahsia Terpilih Mengikut
Temuduga Kerja • 9

Kunjungan Muhibbah MPP
KUKTEM Ke KUIM • 10

Festival Nasyid
MAKUM 2006 • 11

Pasukan Seni Bela KUIM
Cemerlang diKejohanan
Luar • 12

Sinar Cahaya
Ayat Kursi • 13

Kelebihan Solat
Berjemaah • 13


Info Terkini HEP • 14

Tips Seronok Belajar • 16

Ritma Seni • 18

Warkah Nasuha • 20

Carta Organisasi Bahagian Hal



WITH THE POSSIBLE EXCEPTION OF THE EQUATOR
EVERYTHING BEGINS SOMEWHERE

Ehwal Pelajar

SETIAUSAHA
Raja Mariam Raja Mohd Esa

SETIAUSAHA
Normala Abdullah

**PENGETUA KEDIAMAN
SUTERA INDAH**
Zainur Rijal Abd Razak

**PENGETUA KEDIAMAN
NILAM COURT**
Abdul Manan Ismail

**PENGETUA KEDIAMAN
CANSELOR**
Dr. Mohd. Hairulhisyam

**UNIT PERHUBUNGAN
PELAJAR**

**KETUA PENGURUSAN
KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN**

**SEKRETARIAT
KEUSAHAWANAN SISWA**

PENOLONG PENDAFTAR
Mazlan Nawang

PENOLONG PENDAFTAR
Rohimah Abdul Rahman

KETUA PENYELARAS
Mohd Zohdi Mohd Amin

PEMBANTU TADBIR (P/O)
Nor Azean Mohd Ismail

**PENOLONG PENGURUS
ASRAMA**
Azlin Mahmud

KOLEJ KEDIAMAN SUTERA INDAH

KOLEJ KEDIAMAN NILAM COURT

KOLEJ KEDIAMAN CANSELOR

**PENOLONG PENGURUS
ASRAMA**
Tengku Azwani Tengku Azmi

**PENOLONG PENGURUS
ASRAMA**
Azleen Abd. Aziz

**PENOLONG PENGURUS
ASRAMA**
-

PENYELIA ASRAMA
Annie Salwany Baharul Saffar

PENYELIA ASRAMA
Noraishah Othman

PENYELIA ASRAMA
Mohd Khairi Md. Azali

PENYELIA ASRAMA
Zulkiflee Abd. Razak

PEMBANTU AM RENDAH
Badrul Hisham So'ib



Majlis Ramah Mesra MPP KUIM bersama Para Pelajar

Mohd Husni Zai'im Mohd Said (MPP)

SATU Kejohanan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN telah diadakan di Kolej Universiti Islam Malaysia. Pertandingan anjuran bersama Sekretariat Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan KUIM sebagai tuan rumah itu telah berlangsung pada 24 hingga 26 Februari 2006. Sebanyak 18 pasukan dari 11 IPT tempatan dan luar negara mengambil bahagian dalam kejohanan debat bertema "Membudayakan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Diplomasi" yang julung kali diadakan itu.

"Seiring merealisasikan visi" inilah moto yang diperjuangkan oleh barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia sesi 2004/2005. Barisan kepimpinan MPP KUIM kali ini tampil dengan visi "Ke arah mewujudkan budaya akademik cemerlang dan pemikiran global berteraskan integriti dan prinsip Islam serta berdaya saing dikalangan warga KUIM". Justeru bagi merealisasikan visi ini, MPP KUIM telah menganjurkan satu Majlis Ramah Mesra bersama mahasiswa KUIM.

SANTAI BERSAMA MAHASISWA KUIM

PRU *sambut* Tahun Baru di Kem Rebutia

Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah

PEMBIMBING Rakan Universiti (PRU) telah masuk ke kelompok yang ke-5. Baru-baru ini mereka telah menyambut tahun baru 2006 dengan mengikuti satu Kursus Induksi; siri latihan pengenalan PRU pada 30 Disember 2005 hingga 2 Januari 2006 di Kem Rebutia, Gombak. Seramai 28 orang PRU yang terpilih telah mengikuti kursus tersebut yang dikendalikan oleh kedua-dua orang kaunselor KUIM iaitu Puan Nurbazreen Mohd Nor dan Puan Fadbilah Othman sendiri. Melalui kursus ini, ahli PRU telah diperkenalkan tentang konsep dan peranan PRU di universiti dan mereka juga didedahkan dengan pelbagai teknik dan teori kaunseling.

Pelbagai aktiviti seperti role play kaunseling individu dan kelompok, permainan bermodul, aktiviti rentas balangan dan kembara rimba telah menguji keyakinan diri, teamwork serta semangat kekitaan di kalangan ahli PRU ini. Selain itu, latihan pengurusan organisasi juga telah diberikan untuk memantapkan lagi pengetahuan mereka dalam mentadbir pelbagai program PRU yang akan diadakan kelak. Secara keseluruhannya, Kursus Induksi kali ini menggunakan pendekatan yang agak berbeza kerana aktiviti kumpulan seperti role play pengendalian kaunseling dan permainan minda telah diperbanyakkan untuk memantapkan lagi pengetahuan dan pemaparan mereka mengenai peranan PRU di samping mengekalkan kejelekitan mereka antara satu sama lain ■

Majlis yang dipengerusikan oleh Exco Perhubungan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Sdr. Mohd Husni Zai'im Mohd Said ini telah diadakan pada 15 Januari 2006 bertempat di Kafeteria Kolej Kediaman Nilam Court dan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2005/2006, Sdr. Anuar Elias dan diikuti dengan ucapan perasmian oleh Penolong Pendaftar HEP, En. Marwan Tahir. Turut serta di dalam majlis ini ialah Penolong Pendaftar HEP, Cik Rohimah Abdul Rahman dan Penolong Pendaftar Seketeriat Pendakwah Muda HEP, En Mohamad Samir Sulaiman. Dianggarkan lebih 500 orang pelajar telah menghadiri majlis tersebut.

Di antara tujuan majlis ini diadakan ialah untuk memperkenalkan barisan kepimpinan MPP sesi 2005/2006, mendengar serta membincangkan permasalahan mahasiswa samada dari aspek akademik, kebajikan dan sosial serta merapatkan lagi ukhuwah diantara MPP, pelajar dan pentadbiran universiti. Pelbagai isu kebajikan serta cadangan diutarakan oleh pelajar dan perbincangan diantara dua pihak dapat diadakan sesuai dengan



peranan MPP sebagai perantara di antara pelajar dan pihak pentadbiran universiti. Sesungguhnya majlis ini banyak memberikan manfaat kepada pihak universiti KUIM amnya dan mahasiswa KUIM khususnya. Semoga ukhuwah yang terbina kukuh, kental dalam merealisasikan visi ■



DON'T EVER DESPAIR. MANY SUCCESSES HAVE BEEN
BORN FROM SEEMING FAILURE

"Sopan, Anggun, Bergaya"

Unit Kebudayaan

UNIT KEBUDAYAAN Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Program Busana Muslimah 2006 yang bertemakan "Sopan, Anggun dan Bergaya". Program hasil dari cetusan ilham Pengerusi LPU KUIM; Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Haji Md Noor ini telah diadakan pada 4 dan 5 Januari 2006 bertempat di Dewan Kuliah Pusat FSU. Ianya bertujuan untuk membentuk gambaran imej pakaian mahasiswi KUIM untuk digayakan semasa minggu taaruf akan datang. Program ini telah mendapat kerjasama yang baik dari tiga buah butik iaitu Butik Dean Yanie Collection, Koleksi Intan dan Belleza Collection.

Program Busana Muslimah 2006 ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Norhayati Omar (Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Wanita dan Masyarakat). Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan

bersempena program ini ialah bengkel pemakaian tudung, teknik solekan dan penggunaan baju mengikut kesesuaian. Selain itu, terdapat juga pameran dan jualan tudung-tudung, baju-baju serta kerongsang dibuka kepada kakitangan dan para pelajar.

Secara keseluruhannya program seperti ini dijalankan dapat memberi banyak manfaat dan input-input yang berguna kepada mahasiswi terutamanya sebelum menempuh alam kerjaya ■



SATU sesi dialog di antara Pengarah Golden Key International Honour Society (Malaysia) iaitu Mr. Jimmy Teo Hui Thian dan Prof. Dr. Tajuddin Haji Ninggal selaku Pengarah Pusat Kaunseling dan Kerjaya Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merangkap Timbalan Presiden Jawatankuasa Golden Key Malaysia bersama-sama para pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah diadakan pada 27 Januari 2006 lalu. Sesi dialog yang diadakan di Dewan Kuliah Fakulti Syariah dan Undang-Undang itu turut dihadiri seramai kira-kira 60 orang pemimpin pelajar KUIM.

Di dalam pertemuan ini, para hadirin diberikan taklimat berkenaan Golden Key International Honour Society. Ia merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang berfungsi mengiktiraf, mengenalpasti potensi serta memberi galakan dari segi pencapaian dan

Sesi Dialog bersama **GOLDEN KEY INTERNATIONAL HONOUR SOCIETY**

Unit Perhubungan Pelajar (Pengantarabangsaan)

kecemerlangan akademik di kalangan pelajar-pelajar Universiti dan Kolej yang menjadi chapternya. Golden Key International Honour Society turut memberi peluang kerjaya, biasiswa, pembentukan personaliti dan kepimpinan selain membentuk kerjasama dengan Universiti-Universiti lain dalam usaha untuk mengekalkan kualiti pendidikan semasa.

GK mempunyai hampir 350 ahli terdiri daripada pelbagai Universiti dan kolej dari enam negara iaitu Australia, Kanada, Malaysia, New Zealand, Afrika Selatan dan Amerika Syarikat. Antara IPTA-IPTA yang telah menjadi ahli GK ialah Universiti Kebangsaan Malaysia, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia ■

KURSUS INDUKSI URUSETIA SUKAN & REKREASI PELAJAR

Unit Sukan & Rekreasi



SERAMAI 36 pelajar yang merupakan Urusetia Sukan & Rekreasi Pelajar (USRP) telah mengikuti Kursus Induksi di Taman Negara Pahang yang bermula pada

28 hingga 31 Januari 2006. Kursus yang dikendalikan oleh Unit Sukan dan Rekreasi (USR), Bahagian Hal Ehwal Pelajar ini merupakan sebahagian dari program pemantapan USRP yang dipilih berdasarkan komitmen dan kepimpinan di kalangan pelajar KUIM yang berminat untuk membantu USR membangunkan aktiviti sukan dan rekreasi di kalangan para pelajar.

Kursus yang memakan masa selama empat hari tiga malam ini memberi banyak manfaat kepada semua pihak terutama pengalaman menerokai gua, merentas jambatan gantung serta mengunjungi penempatan masyarakat Asli suku kaum Batik selain pendedahan kepada budaya hidup dan aktiviti harian masyarakat tersebut.

Selain itu, para peserta kursus turut didedahkan kepada pelbagai modul aktiviti yang lain seperti pengurusan dan organisasi, pemantapan dan penguasaan Bahasa Arab dan Inggeris, asas kem kraf dan pendidikan luar, aktiviti lasak dan lain-lain program selain mengadakan aktiviti penjelajahan flora dan fauna di Taman Negara tersebut ■



Dari Halaman 1



Hidayatullah, Jakarta, setelah menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan bertindak sebagai pasukan pencadang bagi tajuk "Penubuhan Parlimen Asia Menjadi Satu Tuntutan" pada pertandingan akhir yang berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Kemenangan itu membolehkan UIN yang diwakili Wisam Rohilina, Makiah Mugni, Ahyatul Ihsan dan Afrimadamis membawa pulang wang tunai RM2,500, piala iringan, cenderahati dan sijil penyertaan. UIN turut menerima kegembiraan berganda apabila pendebatnya, Wisam Rohilina turut dinobatkan sebagai pendebat terbaik, sekali gus menerima wang tunai RM200, piala iringan, cenderahati dan sijil penyertaan. Manakala UIAM yang diwakili oleh Siti Salwa Mohd Noor, Amirah Ahmad Zain, Ahmad Firas dan Nur Atikah Jamaludin pula memenangi wang tunai RM1,000, piala

iringan, cenderahati serta sijil penyertaan.

Penganjuran Kejohanan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN ini secara tidak langsung menjadikan KUIM sebagai pelopor kejohanan berkenaan di peringkat Asean dan antarabangsa. Menerusi kejohanan ini, ia memberi peluang mahasiswa mempamerkan bakat dan kemahiran berdebat dalam bahasa Arab, di samping melahirkan generasi muda yang mempunyai kemahiran komunikasi tinggi dalam bahasa berkenaan ■



**LIFE IS LIKE A SEWER. WHAT YOU GET OUT OF IT
DEPENDS ON WHAT YOU PUT INTO IT**

Temuduga Kerja

Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah

BARU-BARU ini Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah telah menganjurkan Bengkel Penulisan Resume Dan Tips Menghadapi Temuduga khusus untuk pelajar tahun akhir. Ia diadakan pada 4 Februari 2006 di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Walaupun pada sasaran awal peserta hanya seramai 100 orang, namun ia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar dan jumlah penyertaan meningkat kepada 130 orang meliputi pelajar-pelajar tahun akhir dan tahun dua.

Dalam bengkel ini, para peserta telah didedahkan mengenai kepentingan dan teknik penyediaan resume yang terkini yang telah disampaikan oleh Puan Nurhazreen Mohd Nor, kaunselor KUIM sendiri. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan pelbagai tips kemahiran untuk menghadapi temuduga kerja melalui ceramah kedua yang telah disampaikan oleh Encik Muhamad Khairil Fuad Che Ab. Razak, penceramah jemputan dari Asasinsan Resources and Training, yang juga merupakan seorang peguam. Perkongsian pengalaman sebagai



seorang pengurus firma yang terlibat secara langsung dalam sesi temuduga pekerja telah didedahkan sebagai penetapan minda serta persediaan para peserta dalam jejak pencarian kerjaya kelak ■



Kunjungan Muhibbah MPP KUKTEM ke KUIM

Unit Perhubungan Pelajar (Aktiviti)



KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUKTEM) telah menganjurkan kunjungan muhibbah ke KUIM pada 14 Februari lalu. Kunjungan sehari oleh barisan Exco dan Sekretariat MPP KUKTEM seramai 35 orang itu diketuai oleh Saudara Nasrul Hadi selaku YDP MPP KUKTEM. Ketibaan mereka ini disambut oleh MPP KUIM dalam suasana yang sederhana tetapi meriah.

Kunjungan mereka ini lebih mirip kepada lawatan mengeratkan hubungan sesama MPP di samping bertukar-

tukar buah fikiran dan idea bagi memantapkan pengurusan pentadbiran MPP Universiti masing-masing. Pelbagai perkara telah dibincangkan dalam pertemuan singkat tersebut yang turut dihadiri oleh Penolong Pendaftar HEP, Cik Rohimah Abdul Rahman. Di samping itu, mereka turut dibawa melawat sekitar kawasan kampus tetap KUIM di Nilai dengan menaiki bas KUKTEM.



Walaupun kesuntukan masa, kunjungan ini nampaknya memberi makna yang mendalam bagi kedua-dua belah pihak. Ini dapat dibuktikan melalui perbincangan yang hangat di kedua-dua belah pihak. Semoga hubungan persahabatan kedua-dua Universiti ini akan terus terjalin erat ■

DO EVERY JOB-NO MATTER HOW "SMALL"
WITH CARE AND ENTHUSIASM

Festival Nasyid MAKUM 2006

20 – 22 Januari 2006
Stadium Tertutup Nilai

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia telah menganjurkan Festival Nasyid MAKUM 2006 bertempat di Stadium Tertutup Nilai 2006. Program yang berlangsung selama tiga hari ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 11 buah IPTA seluruh Malaysia. Setiap Universiti telah mempersembahkan dua lagu iaitu masing-masing sebuah lagu nasyid tradisional dan nasyid kontemporari. Syarat penyertaan adalah, semua lagu yang didendangkan mestilah ciptaan sendiri dan persembahan adalah berbentuk 'live'.


Acara kemuncak adalah di sebelah malam 21 Januari 2006 di mana kesemua Universiti mempersembahkan persembahan masing-masing. Kebanyakan kumpulan nasyid mempertaruhkan vokal penyanyi kumpulan dengan lirik yang bertemakan 'Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni'.



Majlis perasmian penutup yang disempurnakan oleh Y.B. Dato' Razak Mansor iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 22 Januari 2006 itu turut dihadiri oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias (Timbalan Rektor HEP & Alumni). Turut hadir memberikan sokongan ialah penaja-penaja yang telah memberi sumbangan bagi menjayakan program seperti Island & Peninsular dan wakil daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

- Johan**
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Naib Johan**
Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Ketiga**
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
- Persembahan Terbaik**
Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Vokal Berharmoni Terbaik**
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Pencipta Lirik Tradisi Terbaik**
Universiti Sains Malaysia (USM)
- Pencipta Lirik Kontemporari Terbaik**
Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Pencipta Lagu Tradisi Terbaik**
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Pencipta Lagu Kontemporari**
Universiti Utara Malaysia (UUM)



PASUKAN TAEKWANDO

PASUKAN Taekwando KUIM meraih dua (2) pingat gangsa dalam penyertaan sulung mereka pada tahun ini di Kejohanan Taekwando Jemputan anjuran Akademi Tentera Malaysia (ATMA) di kem Sg. Besi pada 20 hingga 22 Januari lalu. Pasukan ini disertai oleh muka baru yang terpilih semasa program pemilihan bersepadu Disember lalu, menunjukkan semangat juang yang tinggi apabila lima (5) dari sebelas (11) dari atlet yang menyertai kejohanan tersebut layak ke peringkat suku akhir. Di peringkat suku akhir pula dua (2) darinya telah layak ke peringkat separuh akhir sebelum tunduk pada lawan masing-masing di peringkat tersebut. Jurulatih pasukan taekwando, En. Malai berpuashati dengan pencapaian anak buahnya yang menunjukkan semangat juang yang tinggi walaupun ada di antara mereka masih dianggap baru dan kurang berpengalaman dalam menyertai kejohanan seperti itu.

Pasukan TKD kini sedang membuat persediaan untuk kejohanan jemputan lain dan persediaan untuk Karnival Sukan MASUM Mei ini. SYABAS PASUKAN TAEKWANDO...

Pasukan SENI BELA KUIM Cemerlang di Kejohanan Luar

Unit Sukan dan Rekreasi

PASUKAN SILAT

PASUKAN Silat Olahraga KUIM cemerlang apabila berjaya meraih satu (1) Emas, tiga (3) Perak dan lima (5) Gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat Jemputan Piala Timbalan Naib Censelor HEP anjuran Universiti Malaya.

Pasukan KUIM juga dimaklumkan meraih kedudukan ke 6 dari 15 pasukan yang bertanding di temasya itu yang berlangsung di Universiti Malaya dari 25 hingga 28 Januari lalu. Kepada pasukan silat Bahagian Hal Ehwal Pelajar ingin megucapkan SYABAS semoga kejayaan ini akan membakar semangat pasukan untuk lebih meraih kejayaan di temasya MASUM Mei ini ■

“KUIM BOLEH”



THE DISTANCE DOESN'T MATTER; IT IS ONLY THE
FIRST STEP THAT IS DIFFICULT

Seleksi MINDA

DALAM sebuah hadis, ada menyebut perihal seekor syaitan yang duduk di atas pintu rumah. Tugasnya ialah untuk menanam keraguan di hati suami terhadap kesetiaan isteri di rumah dan keraguan di hati isteri terhadap kejujuran suami di luar rumah. Sebab itulah Rasulullah tidak akan masuk rumah sehinggalah Baginda mendengar jawapan salam daripada isterinya. Di saat itu syaitan akan lari bersama-sama dengan salam itu. Mari kita teliti apa Hikmat Ayat Al-Kursi:

- Barang siapa membaca ayat Al-Kursi apabila berbaring di tempat tidurnya, Allah SWT mewakilkan dua orang Malaikat memeliharanya hingga subuh.
- Barang siapa membaca ayat Al-Kursi di akhir setiap sembahyang Fardhu, dia akan berada dalam lindungan Allah SWT hingga sembahyang yang lain.
- Barang siapa membaca ayat Al-Kursi di akhir tiap sembahyang, tidak menegah akan dia daripada masuk syurga kecuali maut dan barang siapa membacanya ketika hendak tidur, Allah SWT memelihara akan dia ke atas rumahnya, rumah jirannya dan ahli rumah-rumah di sekitarnya.

Sinar Cahaya AYAT KURSI

Sumber INTERNET

- Barang siapa membaca ayat Al-Kursi di akhir tiap-tiap sembahyang fardhu, Allah SWT menganugerahkan dia setiap hati orang yang bersyukur, setiap perbuatan orang yang benar, pahala nabi-nabi serta Allah melimpahkan padanya rahmat.
- Barang siapa membaca ayat Al-Kursi sebelum keluar rumahnya, maka Allah SWT mengutuskan 70,000 Malaikat kepadanya – mereka semua memohon keampunan dan mendoakan baginya.
- Barang siapa membaca ayat Al-Kursi di akhir sembahyang Allah SWT akan mengendalikan pengambilan rohnya dan dia adalah seperti orang yang berperang bersama Nabi Allah sehingga mati syahid.
- Barang siapa yang membaca ayat Al-Kursi ketika dalam kesempitan nescaya Allah SWT berkenan memberi pertolongan kepadanya ■

SEORANG professor fizik di Amerika Syarikat telah membuat satu kajian tentang kelebihan solat berjemaah yang disyariatkan dalam Islam. Katanya tubuh badan kita mengandungi dua cas elektrik iaitu cas positif dan cas negatif. Dalam aktiviti harian kita sama ada bekerja, beriadah atau berehat, sudah tentu banyak tenaga digunakan. Dalam proses pembakaran tenaga, banyak berlaku pertukaran cas positif dan cas negatif, yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam tubuh kita. Ketidakseimbangan cas dalam badan menyebabkan kita rasa letih dan lesu setelah menjalankan aktiviti seharian. Oleh itu cas-cas ini perlu diseimbangkan semula untuk mengembalikan kesegaran tubuh ke tahap normal.

Berkaitan dengan solat berjemaah, timbul persoalan di minda professor ini mengapa Islam mensyariatkan solat berjemaah dan mengapa solat lima waktu yang didirikan orang Islam mempunyai bilangan rakaat yang tidak sama. Hasil kajiannya mendapati bilangan rakaat yang berbeza dalam solat kita bertindak menyeimbangkan cas-cas dalam badan kita. Semasa kita solat berjemaah, kita disuruh meluruskan saf, bahu bertemu bahu dan bersentuhan tapak kaki. Tindakan-tindakan yang dianjurkan semasa solat berjemaah itu mempunyai pelbagai kelebihan.

Kajian sains mendapati sentuhan yang berlaku antara tubuh kita dengan tubuh ahli jemaah lain yang berada di kiri dan kanan kita akan menstabilkan kembali cas-cas yang diperlukan oleh tubuh. Ia berlaku apabila cas yang berlebihan – sama ada negatif atau positif akan dikeluarkan, manakala yang berkurangan akan ditarik ke dalam kita. Semakin lama pergeseran ini berlaku, semakin seimbang cas dalam tubuh kita. Menurut beliau lagi, setiap kali kita bangun dari tidur, badan kita akan merasa segar dan sihat setelah berehat berapa jam. Ketika ini tubuh kita mengandungi cas-cas positif dan negatif yang hampir seimbang. Oleh itu, kita hanya memerlukan sedikit lagi proses pertukaran cas agar keseimbangan penuh dapat dicapai. Sebab itu, solat Subuh didirikan dua rakaat.

Seterusnya, setelah sehari kita bekerja kuat dan memerah otak semua cas ini kembali tidak stabil akibat kehilangan cas lebih banyak daripada tubuh. Oleh itu, kita memerlukan lebih banyak pertukaran

Kelebihan SOLAT BERJEMAAH Mengikut Teori Fizik

Sumber INTERNET

cas. Solat jemaah yang disyariatkan Islam berperanan untuk memulihkan keseimbangan cas-cas berkenaan. Sebab itu, solat Zohor didirikan empat rakaat untuk memberi ruang yang lebih kepada proses pertukaran cas dalam tubuh. Situasi yang sama turut berlaku di sebelah petang. Banyak tenaga dikeluarkan ketika menyambung kembali tugas. Ini menyebabkan sekali lagi kita kehilangan cas yang banyak.

Seperti mana solat Zohor, empat rakaat solat Asar yang dikerjakan akan memberikan ruang kepada proses pertukaran cas dengan lebih lama. Lazimnya, selepas waktu Asar dan pulang dari kerja kita tidak lagi melakukan aktiviti-aktiviti yang banyak menggunakan tenaga. Masa yang diperuntukkan pula tidak begitu lama. Maka, solat Maghrib hanya dikerjakan sebanyak tiga rakaat adalah lebih sesuai dengan penggunaan tenaga yang kurang berbanding dua waktu sebelumnya.

Timbul persoalan di fikiran professor itu tentang solat Isyak yang mengandungi empat rakaat. Logiknya, pada waktu malam kita tidak banyak melakukan aktiviti dan sudah tentu tidak memerlukan proses pertukaran cas yang banyak. Setelah kajian lanjut, didapati terdapat keistimewaan mengapa Allah mensyariatkan empat rakaat dalam solat Isyak. Kita sedia maklum, umat Islam amat digalakkan untuk tidur awal agar mampu bangun menunaikan tahajjud di sepertiga malam. Ringkasnya, solat Isyak sebanyak empat rakaat itu akan menstabilkan cas dalam badan serta memberikan tenaga untuk kita bangun malam (qiamullail).

Dalam kajiannya, professor ini mendapati bahawa Islam adalah satu agama yang lengkap dan istimewa. Segala amalan dan suruhan Allah Taala itu mempunyai hikmah yang tersirat untuk kebaikan umat Islam itu sendiri. Begitulah para pembaca sekalian, betapa hebatnya Pencipta kita; Allah SWT ■

HEP INFO TERKINI

Program Motivasi Adikku Sayang

Program ini bertempat di SMA Kelana Petra Ma'mor, Seremban, Negeri Sembilan pada 24 – 26 Mac 2006. Sasaran pelajar bagi program ini ialah para pelajar tingkatan dua (2) dan modul utama ialah "Study Skill and Time Management"

Pesta Pantun Antara Fakulti

Pesta Pantun ini bertujuan mencungkil dan mengiktiraf bakat mahasiswa KUIM dalam menguasai kemahiran berpantun bagi memelihara seni tradisi supaya kekal agar tidak lapuk ditelan zaman. Bertemakan "Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni", para mahasiswa dijemput hadir memeriahkan lagi program ini yang dijangkakan berlangsung pada 25 Mac 2006 di Dewan Kuliah Pusat FSU

Persembahan Teater

Satu pementasan teater yang menarik berjudul **Dua Topeng** yang mengisahkan kehidupan sebuah masyarakat yang terpesong dari ajaran Islam dan terpedaya dengan tipu daya duniawi. Teater ini akan diadakan pada 7 April 2006 di Dewan Kuliah Pusat FSU

Kejohanan Liga Sukan

Sepanjang bulan Mac ini, Unit Sukan & Rekreasi (USR) akan menganjurkan Kejohanan Liga dalaman bagi merencanakan aktiviti sukan di kampus KUIM. Antara permainan yang dianjurkan ialah bola sepak, bola jaring, bola tampar dan futsal. Ini bertujuan memberi peluang kepada warga pelajar KUIM menyertai aktiviti sukan secara sihat, mengasah bakat dan ruang untuk USR memilih bakal atlit KUIM untuk penyertaan di peringkat tertinggi. Semua mahasiswa dijemput untuk memeriahkan kejohanan tersebut. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.infosukan.kuim.edu.my atau hubungi 06-7988079 dan 013-2235361

Selamat Datang ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Bahagian Hal Ehwal Pelajar mendapat seorang lagi keluarga baru iaitu Cik Nor Azean Mohd Ismail sebagai Pembantu Tadbir (P/O). Kedatangan beliau amat dialu-alukan. Semoga beliau dapat menyesuaikan diri dengan suasana kerja di HEP.



Sistem Rekod Aktiviti Pelajar (SIRA)

Pengenalan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat telah membangunkan satu sistem di bawah Projek Sistem Maklumat Universiti yang melibatkan capaian pelajar.

Sistem dikenali sebagai Sistem Rekod Aktiviti Pelajar (SIRA). Sistem ini akan dapat membantu pelajar dalam urusan permohonan aktiviti di bawah Badan Pelajar-Badan Pelajar yang terdapat di KUIM.

SIRA



Objektif

1. Menghasilkan satu panduan/format yang standard kepada pelajar dalam menyediakan Kertas Kerja dan Laporan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.
2. Memudahkan semakan Bahagian HEP bagi semua permohonan.
3. Kelulusan permohonan dapat diketahui melalui portal KUIM.
4. Mempercepatkan proses penyediaan kertas kerja dan laporan.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

PORTAL KOMUNITI
Kolej Universiti Islam Malaysia eWADI

Info Terkini Pelajar


Siapa yang boleh merekod SIRA?

Pelajar yang berjawatan Pengarah Program bagi Badan Pelajar/
Persatuan

Cara Capaian SIRA

Layari <http://ewadi.kuim.edu.my>

Pilihan Sistem Tullabiyyah



- Carian Pelajar
- Carian Staff
- E-Aplikasi*
- Profil Pengguna
- Sistem AI-Aaliyah
- Sistem Tullabiyyah (HEP)
- Kiriman Berdaftar
- Kolej Kediaman Terkini Pelajar
- SIRA (Pelajar)

Menu

Modul Aktiviti Pelajar (PELAJAR)

- Aktiviti Pelajar
 - Kertas Kerja
 - Permohonan/Kemagasin Projek
 - Permohonan Kuilipan Hala Kampus
 - Cetak Permohonan Kelulusan Projek
 - Matrikul Laporan Projek
 - Cetak Laporan Projek
 - Senarai projek yang telah lulus

Menu Kertas Kerja Modul Aktiviti Pelajar


- Aktiviti Pelajar
 - Merekod Kertas Kerja
 - Kemaskini Kertas Kerja
 - Amalkan Pendaftaran
 - Adukan Proses
 - Notis/ Data Pencatatan/ Data/ Berhenti/ Data Kertas Kerja/ Berhenti/ Data
 - Struktur Organisasi/ Cetak/ Data/ Data
 - ANI/ Jorjian/ KUBIA/ Perak/ Data
 - Cetak Kertas Kerja
 - Cetak Laporan 1 Kertas Kerja - Adukan/ Proses
 - Cetak Laporan 11 Kertas Kerja - Senarai/ AN/ Perak/ Data
 - Menu Aktivi

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

1. Tn Hj. Mazlan Nawang
Tel: 06-7988063
Emel: mazlan@admin.kuim.edu.my
2. En Ramzi Sulaiman
Tel: 06-7988073
Emel: ramzi@admin.kuim.edu.my
3. Cik Nor Azean Mohd Ismail
Tel : 06-7988066



Aliran Kerja Pelajar



Selepas aktiviti dijalankan pelajar perlu merekod laporan aktiviti di eWADI dan hantar cetakan laporan kepada Bahagian HEP

TIPS

Puan Nurhazreen Mohd Nor (Kaunselor)

Seronok Belajar di

UNIVERSITI

PENETAPAN MINDA BELAJAR

Sebagai mahasiswa universiti, harus ada pemikiran berkenaan:

- Kenapa aku memilih untuk sambung belajar di universiti bukannya terus bekerja di pejabat-pejabat besar atau tolong emak dan ayah di kampung?
- Apa matlamat aku belajar? Adakah untuk memuaskan hati emak ayah atau nak capai cita-cita aku atau saja untuk memenuhi hobi dan minat belajar?

Oleh itu, tetapkan minda (*mind setting*) dan fikirkanlah matlamat anda belajar di universiti ini supaya terbit rasa seronok dan ada kelainan belajar di universiti.

MEMILIKI ASPEK HARD SKILL DAN SOFT SKILL

Seseorang mahasiswa universiti perlu mempunyai dua aspek penting iaitu '*hard skill*' dan '*soft skill*' di samping keterampilan dan keperibadian yang baik. Aspek *hard skill* atau latar belakang akademik yang baik adalah perlu kerana ia menggambarkan mahasiswa mempunyai pengetahuan dan ilmu yang tinggi dalam bidang pengajian yang dikuasai di universiti. Manakala aspek *soft skill* atau kemahiran sendiri boleh diperolehi dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan program ko-kurikulum di universiti terutama sebagai ahli jawatankuasa sesuatu persatuan atau kelab. Melalui penglibatan ini sedikit sebanyak anda akan mendapat kemahiran pengurusan organisasi, komunikasi, meningkatkan keyakinan diri, berfikiran kreatif dan kritis.

KENAPA KEDUA-DUANYA PENTING DAN SALING MEMERLUKAN?

Ini kerana ia merupakan tiket terbaik untuk melayakkan mahasiswa menempuh alam kerjaya yang penuh mencabar. Kekurangan salah satu daripada kemahiran tersebut belum benar-benar menjamin anda untuk menempatkan diri dalam seting pekerjaan sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta kerana cabaran bekerja adalah pelbagai dan ia memerlukan pemikiran yang kreatif dan kritis serta keyakinan dan keberanian diri yang tinggi untuk menghadapinya.

TAHU CARA BELAJAR YANG BETUL

Suasana belajar di universiti adalah berlainan sama sekali ketika mana anda bersekolah dahulu. Justeru harus ada cara belajar yang berbeza dan lebih menarik. Berada di universiti bermakna anda perlu lebih berdikari dan tidak boleh mengharap penyarahan dan rakan-rakan sekuliah semata-mata. Cuba cara belajar berikut:

i. Belajar Secara Berseorangan

Baca buku teks atau rujukan dan buat nota anda sendiri. Di samping itu, cuba luahkan apa yang telah anda baca kerana ia membantu anda mengingat dan memahami subjek dan nota yang telah anda sediakan. Selain itu, biasakan merujuk dan membaca semula subjek yang telah anda pelajari selepas sahaja keluar daripada dewan kuliah. Ini kerana sekiranya terdapat mana-mana bahagian yang tidak difahami, anda

boleh terus berjumpa dengan pensyarah dan berbincang dengan mereka. Jangan lupa untuk menyemak dan membaca tajuk subjek yang akan dipelajari pada keesokan hari untuk tujuan persediaan awal memahami subjek tersebut.

ii. **Belajar Secara Berkumpulan (Study Group)**

Untuk menggunakan cara ini, selalunya ahli mestilah tidak melebihi 7 orang. Adakan jadual belajar yang dipersetujui oleh semua ahli. Pilih masa dan tempat yang sesuai dan selesa. Bawa semua bahan belajar anda seperti buku nota dan buku rujukan. Berbincanglah mengenai subjek yang telah dipelajari dan kongsi kanlah ilmu dan pengetahuan anda bersama rakan-rakan lain. Cara ini lebih membantu anda untuk memahami dan mengingat subjek tersebut selain daripada belajar sendirian. Selain itu, belajar secara berkumpulan bermakna idea dan pandangan yang dikeluarkan saling melengkapi antara satu sama lain dan setiap ahli mendapat manfaat daripadanya. Lakarkanlah perbincangan anda pada whiteboard jika perlu kerana ia amat membantu memori anda terhadap tajuk yang dibincangkan.

iii. **Gunakan Teknik Mind-mapping Dalam Penulisan Nota**

Anda tahu dan pernah menggunakan teknik mind-mapping dalam menulis nota? Dengan menggunakan bahan-bahan kuliah dan tambahan maklumat daripada buku-buku teks, rujukan, journal dan sebagainya, buat nota menggunakan pelbagai simbol seperti carta aliran, anak panah, gambar, graf dan bentukkan imej dalam pelbagai cara dan menggunakan penyusunan spatial yang berbeza-beza. Baca dan lihat selalu nota yang anda buat. Sebelum menghadiri peperiksaan ingat kembali gambaran-gambaran dalam nota yang telah

anda buat dan gunakan visual anda untuk menukarkannya ke dalam bentuk perkataan. Secara tidak langsung anda telah menggunakan fungsi otak kiri dan kanan dalam membantu anda belajar dan mengulangkaji pelajaran.

PENGURUSAN MASA YANG BIJAK

Sebagai seorang mahasiswa universiti yang telah melewati tahap kematangan fikiran, anda perlu bijak mengurus masa di antara waktu belajar, penglibatan di dalam aktiviti ko-kurikulum, melaksanakan tugas kuliah dan mengulangkaji pelajaran. Pembahagian masa harus diatur mengikut perkara-perkara di atas dan anda harus tegas dalam mematuhi masa yang telah ditetapkan. Manfaatkanlah masa 24 jam sehari dan bahagilah masa mengikut keupayaan anda. Walau bagaimanapun, kesihatan juga perlu dijaga dan amalkan diet pemakanan yang seimbang, tidur yang mencukupi dan amalkan senaman ringan pada masa lapang.

PENGLIBATAN DALAM KELAB DAN PERSATUAN PELAJAR

Belajar di universiti merupakan satu pengalaman yang amat berguna dalam kehidupan seorang pelajar. Ia juga merupakan medan latihan yang menyediakan ruang untuk anda mempelajari pelbagai kemahiran diri (*soft skill*) seperti pengurusan organisasi, komunikasi, meningkatkan keyakinan diri, berfikiran kreatif dan kritis. Kemahiran-kemahiran ini hanya boleh diperolehi sekiranya anda terlibat secara aktif dalam badan-badan persatuan pelajar dengan memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa. Dengan adanya kemahiran ini sudah cukup untuk membezakan anda dengan para pelajar lain yang kurang aktif atau tidak terlibat langsung dengan badan-badan persatuan pelajar. Perlu diingat bahawa ia merupakan antara pengalaman dan pengetahuan penting untuk diaplikasikan dalam medan pekerjaan kelak.

PENGISIAN ROHANI

Perlu diingat segala cabaran yang dihadapi sepanjang belajar di universiti adalah merupakan ujian daripada Allah SWT. Justeru itu, terimalah ia dengan redha dan sentiasa berfikiran positif. Sebagai contoh, jika anda pernah gagal dalam ujian atau peperiksaan, cubalah rasionalkan fikiran serta perasaan anda dan ingatlah bahawa kejayaan hanya datang selepas kita menemui kegagalan. Selain itu, jangan tinggalkan kewajipan bersolat lima waktu di samping perbanyakkan solat sunat, mengaji, berdo'a dan berzikir. Walau sesibuk manapun anda di kampus, anda harus meluangkan masa untuk mengingati Allah melalui amalan-amalan tersebut kerana usaha tanpa tawakal tidak akan mendatangkan apa-apa pulangan kepada kita sebagai seorang individu Muslim.

Enam perkara di atas merupakan antara tips langsung yang boleh diamalkan oleh para mahasiswa untuk merasai dan menikmati keseronokan belajar di universiti. Ciri-ciri yang melengkapkan mahasiswa ini bukan sahaja menepati konsep *IQ* (*Intelligent Quotient*) yang berteraskan kepada pencapaian di dalam bidang akademik semata-mata, tetapi juga *EQ* (*Emotional Quotient*) dan *SQ* (*Spiritual Quotient*) seperti yang pernah disarankan oleh mantan Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Shafie Hj. Mohd Salleh. Mereka yang mempunyai ketinggian *IQ* sahaja tidak akan lengkap jika tidak memiliki *EQ* dan *SQ* di dalam dalam usaha untuk mencapai matlamat sebagai mahasiswa universiti yang berpersonaliti unggul. Justeru itu, manfaatkanlah masa dan pengalaman anda di universiti dan mulakanlah diari baru hidup anda dengan mengamalkan 6 tips di atas ■

SELAMAT MENCUBA!

Ritma



Manik yang dibuat oleh Orang Ulu

SENI HALUS MANIK


Gubahan manik merupakan satu seni kraftangan yang begitu popular di Sarawak. Sejak zaman berzaman kemahiran menggubah manik telah menjadi satu seni tradisi di kalangan masyarakat etnik sabah dan Sarawak. Antara jenis manik yang dibuat ialah daripada jenis kaca, permata dan batu akik.

Manik sebenarnya adalah lebih tua usianya daripada zaman tamadun manusia dan manik-manik yang paling awal dahulu telah diperbuat daripada kulit kerang, gigi, dan biji buah-buahan yang dilubangkan dan dicucukkan dengan tali.

Menurut kajian, manik yang ada di Sarawak dibawa masuk dari Mesir, Greece, India dan China semenjak

Seni

beratus-ratus tahun dahulu. Sir Roland Bradell (1947) dalam kertas kerjanya tentang sejarah Malaysia mendapati bahawa ada manik yang ditemui di Sarawak tersebut dibawa masuk oleh pedagang Sabeian pada zaman pra-Kristian. Pada tahun 1930, H.C. Beck mendapati bahawa rantai leher manik dan karangan manik enam sejajar yang ditemui di Sarawak adalah sama dengan rantai leher dan karangan manik yang



Wanita suku Rungus



Pakaian tradisi suku Rungus



Mengait manik

ditemui di Greece dan Rom. Manik tersebut banyak digunakan oleh kaum Kelabit dan Bidayuh di Sarawak. Kajian sejarah juga menunjukkan bahawa manik-manik tersebut dibuat sendiri oleh pribumi Sarawak daripada bahan-bahan mentah yang diimport dari negara-negara di Timur Tengah pada abad ke dua belas masehi yang terdiri daripada kaca lebur ■

T I N T A
S I S W A

“Warkah Nasuha”

Di kesunyian tafakur ini ku utuskan warkah
Rindu ini berpenakan keinsafan di tangan kananku
Saat kita berjauhan di kala itu kelam kalbuku
Tanpa nur kasih muda lupa janji
Di suatu waktu sedang keampunan-mu melangit
Bagiku termangu,

Dikenangi fajar keimanan ku hitungkan amalku di jejari,
Kerdil mempertaruhkan sedang anugerahmu ,
Buih dilautan aku cuba layarkan bahtera kesyukuran ,
Tapi sayangnya cintamu bukan pelabuhan.

Dikegelapan malam yang tiada cahaya,
Kunyalakan obor kasih kita ku kalimahkan,
Zikir bicara sukma penghubung antara dua dunia.

Mukilan • Ayuri_3285

Di ambang gerbang ini ku tanya rohaniku,
Siapa aku di pinggiran arasy-mu,
Tiada daya untuk neraka api-mu
Tiada layak buat firdaus-mu
namun aku harap,,
Bayangan redhamu akan terus memayungiku,
Aku harap kau terima warkah ku
Sebelum kau menjemputku...
Amiiinn.....

TO KEEP A LAMP BURNING WE HAVE TO
KEEP PUTTING OIL IN IT